



CUKAI JUALAN 2018

**PANDUAN PENGEQUALIAN CUKAI JUALAN
DI BAWAH BUTIRAN 58A, JADUAL A
PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG
DIKEQUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN
CUKAI) 2018**

Diterbitkan Oleh :

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Bahagian Cukai Dalam Negeri

Putrajaya

17 Ogos 2021

Penerbitan

Tarikh: 17 Ogos 2021

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2020 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Cukai Jualan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

1. PENDAHULUAN	1
2. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG DIGUNAPAKAI.....	1
3. SYARAT-SYARAT PENGECCUALIAN CUKAI JUALAN.....	2
4. BARANG YANG DIBERI PENGECCUALIAN.....	2
5. TATACARA PERMOHONAN SIJIL PENGECCUALIAN.....	3
6. TANGGUNGJAWAB ORANG YANG DILULUSKAN PENGECCUALIAN.....	3
7. LAMPIRAN.....	5
Lampiran I	6
Lampiran II	8

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) 2021 telah diwartakan dan berkuatkuasa pada 15 Jun 2021 dengan memasukkan Butiran 58A, Jadual A.
- 1.2 Pengecualian cukai jualan di bawah Butiran 58A diberikan kepada mana-mana orang yang diluluskan untuk menjalankan perkhidmatan *bunkering* di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974.
- 1.3 Proses permohonan pengecualian cukai jualan di bawah butiran 58A ini adalah secara manual.

2. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG DIGUNAPAKAI

Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) 2021 yang berkuatkuasa pada 15 Jun 2021.

3. SYARAT-SYARAT PENGECUALIAN CUKAI JUALAN

Berdasarkan ruang (4) Butiran 58A, Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018, syarat-syarat pengecualian cukai jualan adalah seperti berikut:-

- 3.1 Barang tersebut dibeli daripada pengilang berdaftar atau diangkut dari Kawasan Khas;
- 3.2 Barang tersebut digunakan semata-mata sebagai minyak *bunker* bagi kapal termasuk bot nelayan;
- 3.3 Kapal termasuk bot nelayan tersebut adalah seperti yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- 3.4 Pembuktian dapat dibuat dengan memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa barang itu akan dihantar terus ke kapal termasuk bot nelayan;
- 3.5 Orang yang diberi pengecualian hendaklah mematuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

4. BARANG YANG DIBERI PENGECUALIAN

Senarai barang-barang yang diberi pengecualian cukai jualan adalah seperti berikut:-

- a) *Diesel fuel*;
- b) *Liquefied natural gas*;
- c) *Lubricating oil*; dan
- d) *Greases*

Barang-barang yang diberi pengecualian adalah di bawah subkepala 2710.19.7200, 2711.11.0000, 2710.19.4300, 2710.19.4400, 2710.19.2000, 2710.19.3000 dan 2710.19.9000 Perintah Duti Kastam yang terpakai.

5. TATACARA PERMOHONAN SIJIL PENGECUALIAN


- 5.1 Pemohon perlu mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:-
- a) Borang permohonan sijil pengecualian cukai jualan seperti di Lampiran I;
 - b) Kebenaran PDA 2 ; dan
 - c) Surat Kelulusan Menjalankan Aktiviti Pembekalan Bekalan Kapal yang dikeluarkan oleh Bahagian Perkastaman, Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
- 5.2 Bagi pemohon yang memiliki lebih dari satu Kebenaran PDA 2, borang permohonan perlu dikemukakan secara berasingan;
- 5.3 Surat Kelulusan Menjalankan Aktiviti Pembekalan Bekalan Kapal yang dikemukakan hendaklah berdasarkan maklumat Kebenaran PDA 2.
- 5.4 Dokumen-dokumen di Para 5.1 yang telah lengkap hendaklah dikemukakan ke stesen mengawal. Penentuan stesen mengawal adalah berdasarkan poskod alamat premis perniagaan di mana pemohon beroperasi

6. TANGGUNGJAWAB ORANG YANG DILULUSKAN PENGECUALIAN

- 6.1 Orang yang diluluskan hendaklah membuat pembelian dari pengilang berdaftar atau diangkut dari Kawasan Khas;
- 6.2 Orang yang diluluskan hendaklah mengemukakan sijil pengecualian cukai jualan kepada pengilang berdaftar semasa pembelian dibuat atau semasa barang diangkut dari Kawasan Khas;
- 6.3 Barang tersebut iaitu minyak bunker hanya untuk kegunaan kapal termasuk bot nelayan yang layak;
- 6.4 Kapal-kapal yang layak mendapat pengecualian cukai jualan untuk tujuan *bunkering* ialah:-
- a) Kapal-kapal yang berlayar dari pelabuhan di Malaysia ke pelabuhan di luar negara;
 - b) Kapal-kapal asing dalam perjalanan antarabangsa;
 - c) Bot-bot nelayan antarabangsa;
 - d) Feri-feri penumpang, kapal-kapal pelayaran pelancongan dan bot-bot pelancongan yang membuat pelayaran singgah di pelabuhan luar negara seperti Singapura, Thailand atau Indonesia.
- 6.5 Kapal-kapal selain daripada yang dinyatakan di para 6.4 di atas adalah **tidak layak** diberi pengecualian cukai jualan di bawah Butiran 58A, Jadual A untuk tujuan *bunkering*.

- 6.6 Pengecualian cukai jualan adalah terhad kepada barang yang diluluskan sahaja.
- 6.7 Pembelian barang adalah terhad daripada pembekal yang diluluskan sahaja.
- 6.8 Barang tersebut digunakan semata-mata bagi tujuan aktiviti *bunkering* di kawasan yang diluluskan.
- 6.9 Orang yang diluluskan pengecualian hendaklah menyediakan Laporan CJ(P) Jadual A-58A secara bulanan. Format laporan adalah seperti di Lampiran II;
- 6.10 Laporan yang lengkap perlu dihantar sebelum atau pada setiap 10 haribulan bulan berikutnya kepada Bahagian CDN zon/ negeri yang mengawal.
- 6.11 Sekiranya orang yang diluluskan tidak mematuhi apa-apa syarat yang telah ditetapkan, cukai jualan akan menjadi genap masa dan kena dibayar (*due and payable*) pada tarikh syarat itu tidak dipatuhi.

7. LAMPIRAN

SP Jadual A		JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA / ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT AKTA CUKAI JUALAN 2018 / SALES TAX ACT 2018 PERMOHONAN PENGECUALIAN CUKAI JUALAN DI BAWAH BUTIRAN 58A, JADUAL A PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI) 2018 APPLICATION FOR SALES TAX EXEMPTION UNDER ITEM 58A SCHEDULE A, SALES TAX (PERSON EXEMPTED FROM PAYMENT OF TAX) ORDER 2018					
<p>Nota Penting (Important Notes)</p> <ol style="list-style-type: none"> Sila isikan borang ini dengan menaip menggunakan HURUF BESAR. <i>Please type in using BLOCK LETTERS.</i> Sila rujuk Garis Panduan Pengecualian Cukai Jualan Di Bawah Butiran 58A, Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018. <i>Please refer to Guideline of Sales Tax Exemption Under Item 58A, Schedule A, Sales Tax (Person Exempted From Payment Of Tax) Order 2018.</i> Setiap ruangan adalah wajib diisi. <i>Every column is a mandatory field.</i> Sila hubungi Cawangan Kawalan Kemudahan, Bahagian Cukai Dalam Negeri di stesen mengawal untuk pertanyaan lanjut. <i>For further enquiry please contact Cawangan Kawalan Kemudahan, Bahagian Cukai Dalam Negeri at the controlling station.</i> 							
BAHAGIAN A : MAKLUMAT PEMOHON PART A : APPLICANT INFORMATION							
1. Nama / Name : 2. No. Telefon / Phone No.: 3. Alamat Emel / Email Address: 4. No. Kad Pengenalan / Identity Card No. : 5. Jawatan / Designation:			8. Tarikh Permohonan / Application Date : 9. No Kelulusan (PDA 2, JKDM dll): <i>Approval No (PDA 2, RMCD etc) :</i> 10. No. Pesanan Belian / Purchase Order : 11. Alamat / Address :				
6. Nama Syarikat/ Firma: <i>Name of Company/ Firm:</i>							
7. No. Pendaftaran Cukai Jualan (jika berkenaan): <i>Sales Tax Registration No. (if applicable):</i>							
BAHAGIAN B : MAKLUMAT ORANG YANG AKAN MENANDATANGANI SIJIL PENGECUALIAN (seperti di ruang (5) Jadual A) PART B : INFORMATION OF PERSON DESIGNATED TO SIGN EXEMPTION CERTIFICATE (as in column (5) Schedule A)							
12. Nama Pemohon: <i>Name of Applicant:</i>		13. No. KP Pemohon: <i>IC No. of Applicant:</i>		14. Jawatan: <i>Designation:</i>			
BAHAGIAN C : MAKLUMAT PEMBEKAL PART C : SUPPLIER INFORMATION							
15. Nama Firma / Syarikat: <i>Name of Firm / Company:</i>				16. Alamat: <i>Address:</i>			
BAHAGIAN D: PERIHAL BARANG-BARANG PART D: DESCRIPTION OF GOODS							
17. Bil. No.	17(a) No. Kod Tarif No. Tariff Code	17(b) Perihal Barangan Description of Good	17(c) Unit Unit	17(d) Deskripsi Description	17(e) Kuantiti Quantity	17(f) Nilai (RM) Value (RM)	

BAHAGIAN E : KAWASAN MENJALANKAN AKTIVITI BUNKERING
PART E : AREA OF BUNKERING ACTIVITY

18. Nama Kawasan :
Name of Area:

19. Saya memohon untuk membeli barang-barang dan pengecualian dituntut dibawah Butiran 58A Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Cukai Jualan) 2018 tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Saya mengaku semua butiran yang diberikan adalah betul dan benar.

I request to purchase goods and claim exemption under Item 58A Schedule A, of Sales Tax (Person Exempted From Payment Of Sales Tax) Order 2018 subject to the conditions specified. I hereby declare that the above mentioned particulars are true and correct.

UNTUK KEGUNAAN RASMI / FOR OFFICIAL USE

20. Tarikh Kelulusan :
Date of Approval :

21. No. Rujukan :
Reference No.:

22. Tandatangan / Signature

.....
b.p Ketua Pengarah Kastam
for Director General of Customs

.....
Tarikh / Date

PERTANYAAN

Sebarang panduan berkaitan panduan ini sila berhubung:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (CDN)
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 4 - 7, Blok A, Menara Tulus,
No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,
62100 Putrajaya.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

- (i) Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam
 - Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
 - Fax : 03-7806 7599
 - Email: ccc@customs.gov.my